




ARCA

Buletin Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

PERCUMA | ISSN 1825-982X | JAN – JUN 2019



EDISI KE-12 | 2019

INTISARI ARCA

Ms 3

- Amanat Akauntan Negeri Sarawak

Ms 4

- Jasamu Dikenang

Ms 5

- *Sistem e-Billing Bil.T.304*

Ms 6

- Pencapaian Piagam Pelanggan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak Bagi Januari Hingga Jun 2019

Ms 7

- Employee Suggestions Scheme (ESS) 2019

Ms 8

- Senarai Key Performance Indicator (KPI) Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak Bagi Tahun 2019
- Pencapaian Balanced Scorecard Bagi Tahun 2018

Ms 9

- Kenali Seksyen Akruan, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Ms 10- 14

- Aktiviti JPNS 2019

Ms 15

- Bersikap Positif Di Tempat Kerja

Ms 16

- Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bagi Tahun 2018

Ms 17

- Senarai Pegawai Yang Bersara (Jan-Jun 2019)
- Senarai Pegawai Berpindah di JPNS (Jan – Jun 2019)

Ms 18

- Senarai Pegawai Baharu (Jan-Jun 2019)

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

HJH. ELEAN BT HJ. MASA'AT
AKAUNTAN NEGERI

KETUA EDITOR

CATHERINE SENDON AK
NGELINGKONG
PEGAWAI TADBIR

SETIAUSAHA

WAHIEEDA BT SHAMSUDIN
PEMBANTU TADBIR (P/O)

AHLI – AHLI

YEO LING SZE
PEMBANTU TADBIR (P/O)

NORHALIZAH BT JALI
PENOLONG AKAUNTAN

NAJWA 'ILLIANI BT JAHIDEN
PENOLONG AKAUNTAN

JESSETTA CRYSTAL AK DUGAT
PENOLONG AKAUNTAN

NURZAIRY BIN MOHAMED
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)



AMANAT AKAUNTAN NEGERI

HJH. ELEAN BT HJ. MASA'AT

**Assalamualaikum,
Salam Sejahtera dan Salam 1
Perbendaharaan.**

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya ARCA Edisi 12 dapat diterbitkan bagi suku tahun pertama 2019.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga kepada semua pihak pengurusan dan staf Jabatan Perbendaharaan kerana telah bersama-sama menjayakan pelbagai aktiviti yang telah dirancang sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2019 yang mana sebahagiannya direkodkan di dalam ARCA kali ini. Adalah menjadi harapan saya dengan penerbitan buletin ARCA ini dapat memberi gambaran tentang aktiviti-aktiviti jabatan untuk dikongsikan bersama semua pembaca ARCA.

Saya berharap agar semua pihak terus berusaha menjayakan aktiviti atau program yang dirancang untuk tahun 2019.

Akhir kata, semoga kita semua terus diberkati dengan kesihatan yang baik dan terus bekerjasama untuk mencapai visi dan misi Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.

Sekian, wassalam.

Jasamu Dikenang



Datu Jumastapha Bin Lamat, Mantan Akauntan Negeri

Warga Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak merakamkan jutaan terima kasih di atas sumbangan dan komitmen YBhg. Datu Jumastapha Bin Lamat sepanjang perkhidmatan beliau selama **tiga belas (13) tahun di Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak**. Sepanjang tempoh perkhidmatan dari tahun 2005 hingga 2018 YBhg. Datu Jumastapha Bin Lamat telah berjaya memastikan kewajipan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dijalankan

dengan sempurna terutama dalam menyediakan sistem perakaunan yang efektif dan menyediakan Akaun Awam Tahunan untuk dibentang di Dewan Undangan Negeri.

Aspirasi beliau "One Fine Day" telah menjadi panduan kepada warga kerja Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang menitikberatkan semua data dapat dijana secara "real time, anytime, anywhere". YBhg. Datu juga amat menekankan penambahbaikan untuk semua proses kerja utama jabatan melalui penubuhan Jawatankuasa Birokrasi Sifar yang dianggotai oleh semua pihak pengurusan.


Kepimpinan YBhg. Datu juga telah menaikkan nama Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dengan mengekalkan kecemerlangan prestasi mendapat Sijil Bersih selama tiga belas (13) tahun berturut-turut daripada Jabatan Audit Negara. Beliau turut menekankan penglibatan kakitangan dalam semua aktiviti kualiti inisiatif seperti KIK dan QE di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

Usaha YBhg. Datu dalam menjadikan slogan "**Ingat 5, Pastikan 5**" sebagai slogan rasmi jabatan akan terus menjadi panduan dan pedoman kepada warga Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak bagi mencapai visi "Untuk Menjadi Jabatan Perbendaharaan Contoh Sektor Awam Malaysia".

Selamat maju jaya kepada mantan Akauntan Negeri.

SISTEM e-BILLING BIL.T.304

Selaras dengan pembangunan dan inisiatif kerajaan Negeri ke arah aplikasi ekonomi digital, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah membuat penambahbaikan ke atas Bil. T304 yang bertujuan untuk memberi perkhidmatan kaunter yang lebih berkesan kepada orang awam melalui penggunaan sistem e-Billing. Sistem e-Billing digunapakai oleh mana-mana agensi Kerajaan Negeri yang ada membuat kutipan hasil negeri. Kebaikan penggunaan sistem e-Billing adalah seperti berikut:



Sumber: Seksyen Kewangan (Unit Hasil), Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak



PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK BAGI JANUARI HINGGA JUN 2019

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah memastikan pencapaian piagam pelanggan bagi enam (6) proses kerja utama dilapor pada setiap hujung bulan. Bagi bulan Januari 2019 hingga Jun 2019, Jabatan telah **berjaya mencapai 100% sasaran bagi 6 piagam pelanggan** seperti di bawah:

BIL	PIAGAM PELANGGAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN
1	Mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan kepada Pengarah Audit Negeri sebelum 31 Mac setiap tahun	**TB	**TB	100% (Dikemukakan kepada Audit pada 29.01.2019)	**TB	**TB	**TB
2	Mengemukakan Penyata Akaun Bulanan kepada Pegawai Pengawal sebelum 10hb bulan berikutnya	*100%	100%	100%	100%	100%	100%
3	Mengemukakan Cek atau Arahan Pindahan Dana ke Bank dalam masa empat (4) hari bekerja selepas menerima Baucar Bayaran	100%	100%	100%	100%	100%	100%
4	Mengeluarkan Resit Rasmi pada masa urusan dibuat	100%	100%	100%	100%	100%	100%
5	Membuat bayaran gaji bulanan seperti pada jadual yang diluluskan	100%	100%	100%	100%	100%	100%
6	Mengemukakan Laporan Pemeriksaan Inspektorat kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam tempoh dua (2) hari bekerja selepas "Exit Conference"	0%	100%	100%	100%	100%	100%

Nota :


* Jabatan dalam proses penutupan akaun 2018

** T/B bermaksud Tidak Berkenaan kerana data hanya akan dikemaskini pada Januari 2020

EMPLOYEE SUGGESTIONS SCHEME (ESS) 2019

Employee Suggestions Scheme atau dikenali sebagai ESS merupakan satu platform untuk warga Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak memberi cadangan bagi menambahbaik sistem pengurusan serta penyampaian perkhidmatan sedia ada jabatan. Bagi menggalakkan kakitangan memberi sumbangan idea, jabatan telah menganugerahkan cadangan terbaik atau cadangan terbanyak daripada individu, seksyen/unit dan Perbendaharaan Bahagian. Setakat Jun 2019, Jawatankuasa Employee Suggestions Scheme telah menerima sumbangan idea seperti berikut:

STATISTIK SUMBANGAN CADANGAN ESS MENGIKUT SEKSYEN DAN PERBENDAHARAAN BAHAGIAN BAGI JANUARI HINGGA JUN 2019)



SENARAI TAJUK CADANGAN SETAKAT JUN 2019

1	Sistem Kehadiran Pegawai ke Pejabat Secara Elektronik	10	Update Circulars in Treasury Intranet or JPNS Website
2	Menggantikan DocuPrint Printer ke Photostate Machine Heavy Duty	11	Mewujudkan modul/menu "Pekeliling - Pekeliling Perbendaharaan" di dalam laman web Treasury
3	Menambah Bilangan Kabinet File dan Kabinet Besi	12	Laporan Senarai Pencarum KWS
4	Standardize Delivery Method	13	Sistem Retired Fund Management System (RFMS) Interface Dengan SIFBAS
5	Peralatan Pejabat	14	Sistem Peringatan Untuk Kueri Perbendaharaan Yang Lewat Diambil Tindakan (7 hari)
6	REJECT Button	15	Cadangan Penambahbaikan Pada T.304
7	Baucar Click To Claim Tidak Perlu Dicitak oleh PB	16	Penambahbaikan Format T.43 (Daily Cash Balance)
8	Manual Baucar dalam SIFBAS	17	Penambahbaikan Lampiran B EFT
9	Mengemaskini Pekeliling Perbendaharaan Dalam Laman Web Rasmi JPNS	18	Penggantian Baucar EFT/CEK

Sumber: Jawatankuasa Employee Suggestions Scheme, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

SENARAI *KEY PERFORMANCE INDICATOR* (KPI) JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN 2019

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah menetapkan dua belas (12) *Key Performance Indicator Balanced Scorecard* bagi tahun 2019.

BIL	STRATEGIC OBJECTIVES	KPIs	INITIATIVES
1	CS1 Enhance Stakeholder's Satisfaction	1. C1M1 : Stakeholders' Satisfaction Rating	1. Effective Stakeholder's Feedback System 2. Stakeholders' Day
2	F1 Enhance Budget Utilization	2. F1M1 : % of utilization of budget	3. Fully Integrated Accounting System
3	F2 Enhance Financial Regulatory Compliance	3. F2M1 : Accountability Index 4. F2M2 : Financial Management Compliance Index 5. F2M3 : Electronic Compliance Self Assessment (eCSA) Score	4. Online Procedures & Guidelines
4	F3 Increase Revenue Collection	6. F3M1 : Actual vs. Budget	
5	IP1 Enhance Service Delivery	7. IP1M1 : Operations' Efficiency Rating	5. Re-structuring of treasury's operating model 6. Business process re-engineering (BPR)
6.	IP2 Enhance Compliance to Treasury Rules & Regulations	8. IP2M1 : % of compliance by Treasury based on Inspection's checklist	7. E-Treasury 8. Actual Accounting
7.	IP3 Enhance Strategic Communication with Stakeholders	9. IP2M1 : Effective Stakeholders Engagement Rating	9. Treasury's services for local governments & statutory bodies 10. Online self-evaluation on financial compliance 11. Scheduled session with stakeholders
8	OC1 Enhance Training & Development	10. OC1M1 : % of staff achieved targeted SCS training hours in GEMS 11. OC1M2 : Number of Accounting & Financial Training Programme	12. Culture Change Program for SHRU 13. TNA 14. Develop Accounting Training Modules
9	OC2 Internalized Shared Value	12. OC2M1 : Internal Culture Rating	15. Mentoring 16. Shared Values Programmes

PENCAPAIAN *BALANCED SCORECARD* BAGI TAHUN 2018

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah berjaya mencapai skor keseluruhan *Balanced Scorecard* sebanyak 9.24 % pada tahun 2018.



KENALI SEKSYEN AKRUAN

JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

PENDAHULUAN

Seksyen Akruan merupakan sebuah seksyen yang baru ditubuhkan di Ibu Pejabat Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dan mula beroperasi pada 2 Januari 2018.


Seksyen Akruan ini diketuai oleh **Penolong Akauntan Negeri Kanan**, dibantu oleh seorang Akauntan, seorang Penolong Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan).

OBJEKTIF

Melaksanakan perakaunan akruan untuk Kerajaan Negeri Sarawak selaras dengan peraturan dan piawaian perakaunan yang berkuatkuasa.

FUNGSI

- Merancang, menyelaraskan, memantau dan melaksanakan pelan pelaksanaan, pembangunan sistem, program latihan perakaunan akruan kerajaan negeri juga memantau pindaan undang-undang dan peraturan yang sedia ada selaras dengan prinsip perakaunan akruan.
- Mengkaji, menggubal dan menetapkan Polisi Perakaunan Negeri selaras dengan piawaian perakaunan akruan yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri.
- Seksyen Akruan juga bertindak untuk mengendali dan menguruskan dokumentasi pelaksanaan perakaunan di samping memberi khidmat nasihat perakaunan akruan kepada semua jabatan/kementerian negeri.
- Selain daripada itu, Seksyen Akruan juga menjadi *Accrual Accounting Change Management Champion* dan ejen penyebaran maklumat perakaunan akruan negeri dan juga bertindak menjadi urusetia Pasukan Petugas Perakaunan Akruan Negeri dan Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Negeri.



AKTIVITI - AKTIVITI IBU PEJABAT SEPANJANG JANUARI HINGGA JUN 2019

MAJLIS PENGHARGAAN MANTAN AKAUNTAN NEGERI - 14 FEBRUARI 2019



JOM BACA SERENTAK 10 MINIT - 23 APRIL 2019



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOHAB KE-17 - 29 JUN 2019



AKTIVITI – AKTIVITI PB KUCHING SEPANJANG JANUARI HINGGA JUN 2019

GOTONG ROYONG 5S - 9 MAC 2019



CERAMAH KESELAMATAN JABATAN BOMBA PADUNGAN - 21 MAC 2019



PENSIJILAN QE/SS – 29 MAC 2019



MAJLIS PERPISAHAN PUAN AMY SURIA BT MOHAMAD - 11 APRIL 2019



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI DAN GAWAI - 19 JUN 2019



AKTIVITI – AKTIVITI PB SIBU SEPANJANG JANUARI HINGGA JUN 2019

RAMAH TAMAH GAWAI RAYA 2019 - 21 JUN 2019



AKTIVITI – AKTIVITI PB BINTULU SEPANJANG JANUARI HINGGA JUN 2019

MAJLIS PERPISAHAN ENCIK JUGOK ANAK INGAN - 28 JANUARI 2019



BEE'S' FIESTA RUN - 27 APRIL 2019



AKTIVITI – AKTIVITI PB SRI AMAN SEPANJANG JANUARI HINGGA JUN 2019

PERSIJILAN QE/5S - 28 MAC 2019



PROGRAM BUBUR LAMBUK PB SRI AMAN - 22 MEI 2019



LAWATAN KERJA 5S KE MAJLIS DAERAH & JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SRI AMAN BAGI TAHUN 2019



AKTIVITI – AKTIVITI PB BETONG SEPANJANG JANUARI HINGGA JUN 2019

GOTONG ROYONG KEMPEN MENCEGAH DENGGI PERINGKAT BAHAGIAN BETONG – 03 MEI 2019



PROGRAM BERBUKA PUASA PB BETONG – 16 MEI 2019



AKTIVITI - AKTIVITI PB LIMBANG SEPANJANG JANUARI HINGGA JUN 2019

PROGRAM LAWATAN TAPAK SURVEI PRESTASI PERKAKASAN, PERISIAN & RANGKAIAN ICT SERTA PERALATAN PEJABAT PERKHIDMATAN NEGERI SARAWAK DI PB LIMBANG - 26 MAC 2019



RAMAH TAMAH GAWAI RAYA 2019 – 1 JULAI 2019



BERSIKAP POSITIF DI TEMPAT KERJA



Untuk edisi kali ini, ARCA akan berkongsi mengenai **Cara untuk Bersikap Positif di Tempat Kerja** memandangkan sikap ini amat penting dalam sesebuah organisasi bagi mencapai suasana kerja yang harmoni.

PAKAR motivasi ada berkata;

'Anda tidak akan berjaya dan gembira dengan melakukan perkara yang anda sukai. Sebaliknya anda akan cemerlang dan berbahagia apabila anda menyukai perkara yang anda lakukan'. Persoalannya, adakah sekarang ini anda melakukan pekerjaan yang anda suka atau memang suka melakukan pekerjaan anda ini? Dua persoalan yang hampir sama ayatnya, cuma perbezaan kedudukan akhirnya memberikan maksud yang amat ketara. Bertuahlah jika anda sedang melakukan pekerjaan yang anda suka. Bersyukurlah jika anda suka dengan pekerjaan anda sekarang. Lebih beruntung jika anda sedang melakukan pekerjaan yang anda suka dan suka melakukannya.

Anda rugi jika anda melakukan pekerjaan yang anda suka tetapi anda tidak suka melakukannya. Bertambah rugi jika anda melakukan pekerjaan yang anda tidak suka dan tidak suka melakukannya. Penting! **Pekerjaan bukan semata-mata kerja dan dapat gaji. Kerja adalah amanah.** Kerja juga bukan semata-mata cita-cita tetapi adalah satu tanggungjawab. Apabila anda menerima tawaran sesuatu pekerjaan bererti anda memegang amanah dan tanggungjawab untuk melaksanakan pekerjaan tersebut dengan sebaiknya. Berikut ialah lima tip untuk kekal bermotivasi dalam melaksanakan pekerjaan anda:

1. IKHLASKAN NIAT BEKERJA

Tanyalah diri, kenapa aku bekerja? Mahu cari duit? Nak sara keluarga? Bosan duduk saja? Pelbagai alasan boleh diberikan. Cuma satu alasan yang betul dan tepat iaitu untuk melaksanakan amanah Allah. Pekerjaan anda sama ada sebagai guru, kerani, penoreh getah, buruh kasar atau apa juga pekerjaan yang halal di sisi syarak adalah termasuk dalam kategori ibadah. Jika anda niatkan ikhlas kerana melaksanakan amanah Allah, anda akan mendapat pahala dalam setiap apa juga tindakan yang anda lakukan ketika melaksanakan pekerjaan anda. Amanah Allah itu luas. Sebagai suami, anda berperanan untuk menyara keluarga. Sebagai anak, anda bertanggungjawab membantu ibu bapa. Hanya dengan bekerja, tuntutan tersebut boleh dilaksanakan. Lantas, perbetulkan niat dan rebutlah pahala daripada-Nya ketika bekerja.

2. TANAMKAN MINAT & SUKA BEKERJA

Tidak semua individu beruntung peroleh pekerjaan yang diidamkan. Kehendak semasa, mendorong individu memohon dan menerima pekerjaan yang tidak pernah diimpikan. Bersyukurlah sebab anda diberi peluang dengan menanam azam dan semangat dalam diri untuk menyayangi pekerjaan tersebut dan berusaha untuk berikan yang terbaik. Jika minda anda positif, hasilnya juga akan positif.

3. ANGGAP PEKERJAAN SEBAGAI CABARAN UNTUK DIRI

Tidak semua individu beruntung peroleh pekerjaan yang diidamkan. Kehendak semasa, mendorong individu memohon dan menerima pekerjaan yang tidak pernah diimpikan. Bersyukurlah sebab anda diberi peluang dengan menanam azam dan semangat dalam diri untuk menyayangi pekerjaan tersebut dan berusaha untuk berikan yang terbaik. Jika minda anda positif, hasilnya juga akan positif.

4. TEKAD UNTUK JADI LEBIH BAIK

Kalau Mat Jenin boleh berangan mahu jadi kaya dan lebih kaya, apakah anda hanya sekadar mahu kekal di takuk lama bertahun lamanya? Tekadkan azam, jalinkan semangat, sentiasa berusaha dan bertindak agar kedudukan anda bertambah baik dari hari ke hari, tahun ke tahun. Jadikan pekerjaan anda medan persaingan secara sihat agar hidup anda pada masa depan lebih baik.

5. BERTINDAK DEMI KECEMERLANGAN

Apabila anda punya azam untuk lebih berjaya, susun strategi agar pekerjaan anda menjadi lebih baik dan mendapat pengiktirafan majikan. Bertindak dengan cara yang baik, dibenarkan syarak dan norma masyarakat.

Ingat! Matlamat tidak menghalalkan cara.

Sumber: <http://bersamasuzana.blogspot.com/2011/02/bersikap-positif-di-tempat-kerja.html>

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI TAHUN 2018

**CHRISTOPHER
DANAN BINJIE**

Pengurusan



**WONG MEE
NANG**

Pengurusan



**HASSAN BIN
AHMAD**

Unit
Pentadbiran



**JULIA ANAK
PHILIP**

Unit Sumber
Manusia



**MASTRIA BT
BADANG**

Unit
Perancangan



**DEMITRI
ANAK LEMON**

Seksyen
Akaun



**ELIZABETH
ELBINA ANAK
RASAT**

Seksyen
Gaji



**JOS
ANAK
JAWA**

Seksyen
Gaji



**BENEDICT
THAM SWE
KHOON**

Seksyen
Kewangan



**JESSETTA
CRYSTAL
ANAK DUGAT**

Seksyen
Inspektorat



**NORLAILA
BINTI
IDRIS**

PB Kuching

**SAIFUL
KHAMIN
ABDULLAH**

PB Sri Aman



**NYELANG
ANAK
NUING**

PB Sibu



**ANYI
JOK
AJANG**

PB Miri



**JANARIAH
BINTI
OMAR**

PB Limbang



**ASIAH
BINTI
MOHAMAD**

PB Sarikei



**EMMA
ANAK
MURAN**

PB Kapit



**SHAFARIDAH
BINTI
BUANG**

PB Bintulu



**MOHD
YUNUS BIN
SHAHDAN**

PB Samarahan



**MUSA
BIN
JUBILI**

PB Mukah



**SYUKORDY
BIN
BOHAN**

PB Betong



**ROHANA
BINTI
SYLVIA**

PB Serian

SENARAI PEGAWAI YANG BERSARA (JAN-JUN 2019)

	NAMA PEGAWAI / JAWATAN & GRED	SEKSYEN	TARIKH PENEMPATAN
	JUGOK ANAK INGAN PEMBANTU AWAM H11	PB BINTULU	27.01.2019
	JOS ANAK JAWA PEMBANTU TADBIR (KEW) W22	IBU PEJABAT	05.05.2019

SENARAI PEGAWAI YANG BERPINDAH (JAN-JUN 2019)

BIL	NAMA PEGAWAI / JAWATAN & GRED	SEKSYEN	TEMPAT PENEMPATAN
	HAJAH SURAYA BINTI DRAHMAN PENOLONG AKAUNTAN W32	IBU PEJABAT JPNS	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SARAWAK
	RACA MULONG PEGAWAI TADBIR N44	IBU PEJABAT JPNS	KEMENTERIAN PENDIDIKAN, SAINS DAN PENYELIDIKAN TEKNOLOGI SARAWAK
	MOHAMAD FAIZAL BIN AMER PEMBANTU TADBIR (P/O) N19	IBU PEJABAT JPNS	KERAJAAN PERSEKUTUAN
	AMMY SURIA BINTI MOHAMAD PENOLONG AKAUNTAN NEGERI WA48	PB KUCHING	UNIT PENTADBIRAN JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK
	HASNANI BINTI KASSIM PEGAWAI TADBIR N41	IBU PEJABAT JPNS	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

SENARAI PEGAWAI BAHARU (JAN-JUN 2019)

	NAMA PEGAWAI / JAWATAN & GRED	SEKSYEN	TARIKH PENEMPATAN
	DAYANGKU SITI NORBAYA BINTI AWANGKU OTHMAN PEGAWAI TADBIR N52	UNIT PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA	02.01.2019
	BETTY ABDUL RAHMAN ARCHER PENOLONG AKAUNTAN W32	PB SRI AMAN	02.01.2019
	CATHERINE SENDON ANAK NGELINGKONG PEGAWAI TADBIR N44	UNIT SUMBER MANUSIA	01.02.2019
	ICHA ANAK STEPHEN AKON PENOLONG AKAUNTAN NEGERI WA48	PB KUCHING	22.02.2019
	MUFIDAH HANUM BINTI YUSUF PEGAWAI TADBIR N41	UNIT PENTADBIRAN	07.05.2019



JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK
www.treasury.sarawak.gov.my